



# Info ICT

MAKLUMAT DI HUJUNG JARI

## SISTEM MAKLUMAT SEWAAN KDN

Adakah anda menghadapi kesukaran dalam membuat pemantauan ke atas maklumat berkaitan dengan kontrak? Adakah anda selalu terlepas pandang berkaitan dengan pembaharuan kontrak?

Kini, dengan terlaksananya Sistem Maklumat Sewaan KDN, segala kesukaran yang telah anda hadapi akan dapat diselesaikan.

Bagi memastikan KDN dan agensi dibawahnya bergerak seiring dengan perkembangan teknologi ICT dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, KDN telah mengambil inisiatif melaksanakan aplikasi Sistem Maklumat Sewaan KDN. Inisiatif ini telah memacu KDN dan agensi dibawahnya dalam memantapkan lagi penggunaan aplikasi ICT di sektor awam.

Dengan kerjasama dan kepakaran yang telah dijalinan di antara KDN dan PDRM, pembangunan aplikasi ini telah dijalankan secara dalaman. Aplikasi ini dapat diakses oleh pengguna yang berdaftar secara atas talian di alamat <http://it.moha.gov.my/sewaan/login.cfm>.

Apa yang anda boleh lakukan semasa atas talian adalah membuat pendaftaran ke atas kontrak baru, memantau kontrak-kontrak sedia ada, menjana laporan serta statistik berkaitan kontrak.



Pelaksanaannya adalah amat berbaloi kerana maklumat seakan berada di hujung jari dan rutin harian anda menjadi semakin mudah. Segalanya tersedia di depan mata. Anda tidak perlu lagi untuk menyelongkar fail fizikal, menyelak helaian demi helaian bagi mendapatkan segala maklumat kontrak yang diperlukan. Kini, anda hanya perlu masukkan ID Pengguna dan Katalaluan sahaja bagi membolehkan anda menyusuri segala maklumat yang diperlukan.

Apa yang anda boleh lakukan semasa atas talian adalah membuat pendaftaran ke atas kontrak baru, memantau kontrak-kontrak sedia ada, menjana laporan serta statistik berkaitan kontrak. Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan aplikasi ini, anda bolehlah berhubung dengan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri.

# PORTAL/LAMAN WEB MOBILE KDN



Portal KDN kini boleh  
dicapai secara Mobile  
melalui pautan

[www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my)

Pihak awam dan juga warga KDN boleh melayari Portal/Laman Web KDN di telefon bimbit masing-masing. Anda hanya perlu taipkan [www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my)

Lebih mudah dan cepat.....Maklumat terkini di TELEFON BIMBIT ANDA



Utama

Maklumat Korporat

Perkhidmatan Online

Maklumat Perkhidmatan

Agensi Kementerian

Tender

Berita Terkini : iKDN

#### Hubungi Kami

Kementerian Dalam Negeri  
Blok D1 & D2, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran  
Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya

Tel: 03 8886 8000

Fax: 03-88891613/03-88891610

[www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my)

1

2

3

ABC

DEF

4

5

6

GHI

JKL

MNO

7

8

9

PQRS

TUV

WXYZ

\*

0

#

+

Call

MEJA BANTUAN ICT

**03-88863350**

<http://aduan.moha.gov.my>

## Kursus ICT Untuk Warga KDN

27 sesi kursus ICT telah dirancang dan akan diadakan pada tahun 2011. Sehingga 15 Mei 2011, sebanyak 12 sesi kursus ICT telah diadakan. Kursus ICT yang akan diadakan pada Jun 2011 adalah seperti berikut:

Memo pencalonan akan dihantar kepada Setiausaha Bahagian pada akhir Mei 2011. Warga KDN yang berminat hendaklah mengisi Borang Pengesahan Kehadiran dan kembalikan kepada urus setia sebelum tarikh tutup.

Bil	Tarikh	Kursus ICT	Lokasi
1.	27 – 28/6/2011	Adobe Photoshop CS3	Bilik Latihan ICT,
2.	29 – 30/6/2011	Asas-asas Pengendalian Komputer	Aras 5 Blok D2

## Pelaksanaan *ICT Skills Assessment And Certification (ISAC)* Untuk Warga KDN



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA



ICT SKILLS ASSESSMENT AND CERTIFICATION

ISAC merupakan satu kaedah bagi menentukan kesediaan personel sektor awam untuk bekerja dalam persekitaran Kerajaan Elektronik. Objektifnya adalah untuk menilai pengetahuan asas ICT dan kemahiran asas ICT dalam konteks komunikasi dan produktiviti.

Lapan ( 8 ) sesi ISAC telah dipersetujui oleh pihak INTAN dan akan diadakan pada tahun 2011 di INTAN Bukit Kiara. Sehingga 15 Mei 2011, sebanyak enam ( 6 ) sesi telah diadakan melibatkan seramai 195 warga KDN. Sesi ketujuh dan kelapan akan diadakan pada 7 Jun 2011 dan 8 Jun 2011. Bahagian-bahagian yang akan terlibat pada tahun ini adalah Bahagian AK, AD, HP, PP, PK, NKRA, AB, PS dan PL melibatkan 280 warga KDN.

# Menggunakan Emel Dengan Web Client

## Log Masuk


Klik icon 

Pada *address bar*, taip <https://kdnmail.moha.gov.my>



Pada skrin log masuk, masuk kan id pengguna dan kata laluan. Klik butang **Log in**

## Menu Web Client




- 1 Paparan nama dan kuota peti emel
- 2 Panel *Overview*
- 3 Tab aplikasi
- 4 Panel *Toolbar*
- 5 Panel kandungan
- 6 Butang log keluar
- 7 *Paging*—paparan berikutnya

## Mewujudkan Group Contact

1. Pada panel *Toolbar*, klik 'New' dan pilih *Contact Group*.
2. Diruang *Group Name*, taip nama bagi *Group List*
3. Di ruang *Add Members to this Group*, taip akaun emel dan klik butang *Search*
4. Pilih akaun emel yang berkenaan dan klik butang *Add*
5. Klik butang *Save* di panel *Toolbar*.

## Menulis emel

Pengguna boleh menghantar emel kepada seorang atau lebih disamping menyertakan fail kepilan dan sebagainya. Klik butang 'New' pada panel toolbar untuk membuka *compose page*.




Klik disini untuk menghantar emel.

## Membalas emel

Klik butang  atau  di panel *Toolbar*


## Memajukan emel

Klik butang  di panel *Toolbar*


## Menukar kata laluan

Pada panel Tab Aplikasi, klik 'Preferences'

Pilih tab **General**.



Pada paparan *Login Options*, klik butang *Change Password*.



Masukkan kata laluan semasa di ruang *Old Password* dan kata laluan baru di ruang *New Password*.

Sekali lagi, masukkan kata laluan baru di ruang *Confirm*. Klik butang *Change Password*.